

## **Laporan Ringkas Persidangan Juruaudit Sektor Awam**

---

Persidangan Juruaudit Sektor Awam yang bertemakan “Pengukuhan Kompetensi Ke Arah Pengauditan Berkualiti” telah berlangsung dengan jayanya pada 21 dan 22 Julai 2009. Persidangan selama dua hari ini telah diadakan di Hotel Grand Bluewave, Selangor Darul Ehsan. Majlis perasmian persidangan yang julung kali diadakan ini telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato’ Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara. Seramai 700 juruaudit pelbagai peringkat daripada Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam.

Objektif persidangan diadakan adalah untuk mendedahkan juruaudit kepada bidang, teknik dan pendekatan pengauditan yang terkini sejajar dengan perkembangan semasa. Ia juga untuk memberi peluang kepada juruaudit berkongsi pengalaman, pengetahuan dan pandangan dalam aspek pengauditan sektor awam. Selain itu, persidangan ini juga diadakan untuk mewujudkan forum perbincangan mengenai isu-isu semasa dan juga mewujudkan interaksi yang lebih rapat di kalangan juruaudit pelbagai peringkat.

Sebanyak 14 kertas kerja yang merangkumi isu mengenai krisis kewangan global, Risiko Strategik, pencegahan rasuah di sektor awam, pengauditan syarikat, pihak berkuasa tempatan, audit dalam, pematuhan FRS, kewangan Islam, pengauditan alam sekitar, pembangunan modal insan dan inovasi dalam pengauditan melalui penggunaan ICT telah dibentangkan semasa persidangan ini. Para pembentang adalah terdiri daripada pegawai Jabatan dan pegawai daripada agensi luar iaitu En. Nik Mohd Hasyudeen bin Yusof, Ms. Gladys Leong, Y.Bhg Dato’ Hj Zakaria bin Hj Jaffar, En Aminuddin bin Hj Yahaya, Pn. Yusnani binti Zakaria, En. Zulkifli bin Tungal, Pn Norliza binti Md Nuruddin @ Nordin, Y.Bhg. Prof. Datuk Dr Syed Othman AlHabshi, En Zulkipli bin Abdullah, En. Sawaludin bin Md. Nor, Tn Hj Aziz bin Mohd Akil, En Abd. Wahab bin Ahmad, En. Zamani bin Md. Jidin dan En. Y. Hamdan bin Mohd. Dom. Selain itu, satu ceramah mengenai pengauditan Fraud dan Forensik juga telah disampaikan oleh En. Sukdev Singh dari KPMG.

Persidangan Juruaudit Sektor Awam telah diakhiri dengan sesi dialog bersama pihak pengurusan yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Ketua Audit Negara.

### Gambar – Gambar Sekitar Persidangan Juruaudit Sektor Awam



